

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MINGGU DESTINI SISWA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
SESI OKTOBER 2025**

**2 OKTOBER 2025 | KHAMIS | 8.30 PAGI
ANJUNG DAHLIA
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

Barisan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Negeri
UiTM Cawangan Selangor

Barisan Dekan Fakulti

Barisan Pengetua Kolej Kediaman Pelajar

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan
Selangor Sesi 2024/2025

Barisan Pemimpin Mahasiswa Minggu Destini Siswa
seterusnya, Mahasiswa mahasiswi baharu UiTM
Cawangan Selangor yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan inayah-Nya kita dapat bertemu bagi **Sesi Bersama Rektor UiTM Cawangan Selangor sempena Minggu Destini Siswa sesi Oktober 2025.**
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan Selamat Datang ke UiTM Cawangan Selangor kepada semua Mahasiswa Mahasiswi Baharu yang baru sahaja mendaftar ke universiti keramat ini.

3. Untuk pengetahuan semua, UiTM Cawangan Selangor merangkumi 5 buah kampus, iaitu Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh, Kampus Selayang dan Kampus Dengkil.
4. Anda semua haruslah berbangga kerana telah berjaya terpilih menjadi sebahagian daripada keluarga UiTM Cawangan Selangor atau lebih mesra dikenali sebagai UCS.

Mahasiswa yang saya kasihi sekalian,

5. Sukacitanya saya memperkenalkan barisan Pengurusan Eksekutif yang dipimpin oleh saya selaku Rektor, dalam memacu kecemerlangan UiTM Cawangan Selangor ini.

1. Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat	Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi)
	Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
2. Prof. Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah	Timbalan Rektor (Hubungan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE))
3. Prof. Ir. Ts. Dr. Solehuddin Shuib	Penolong Rektor Kampus Sungai Buloh dan Selayang
4. Puan Alfina Bakar	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
5. Encik Amirul Hafiz Bakri	Ketua Timbalan Bendahari

6. Ts. Hj. Mohamad Hamidi Hj. Mohd Jais	Ketua Timbalan Pustakawan
7. Ts. Zainolasri Abdul Sani	Pengarah Pejabat Pengurusan Fakulti

6. Seterusnya, izinkan saya memperkenalkan barisan Dekan Fakulti di UiTM Selangor, Pengarah Pusat Asasi dan Pengarah Pusat Kecemerlangan, yang bersama-sama menjadi tulang belakang dalam Pengurusan Eksekutif UCS.
7. Untuk pengetahuan semua, UiTM Cawangan Selangor kini menempatkan 10 fakulti serta sebuah pusat akademik, iaitu Pusat Asasi.
8. Manakala sebanyak 154 program akademik, terdiri daripada 4 program Asasi, 1 program Diploma, 54 program Sarjana Muda, 62 program Sarjana dan 33 program Doktor Falsafah ditawarkan.

9. Selain itu, UiTM Cawangan Selangor turut berbangga memiliki sebuah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HiCoE), iaitu Institute CARE, serta dua Pusat Kecemerlangan (CoE) iaitu iPROMISE dan AuRins yang menjadi pemacu utama kecemerlangan penyelidikan.
10. Dalam memastikan kebajikan mahasiswa terus diberi keutamaan, UiTM Cawangan Selangor menyediakan pelbagai kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh semua pelajar
11. UiTM Cawangan Selangor berbangga menjadi satu-satunya cawangan UiTM yang memiliki hospital, iaitu Hospital Al-Sultan Abdullah di Kampus Puncak Alam, di samping Pusat Pakar Perubatan UiTM di Kampus Sungai Buloh.

12. Selain hospital dan pusat pakar perubatan, UiTM Cawangan Selangor turut menyediakan Pusat Kesihatan untuk seluruh warganya, dan istimewanya, pelajar menerima rawatan percuma dengan syarat - yuran pengajian telah dibayar.
13. Selain itu, UiTM Cawangan Selangor turut dilengkapi dengan fasiliti kesihatan seperti Pusat Fisioterapi, Klinik Optometri dan Farmasi, sebagai komitmen universiti dalam menjaga kesejahteraan para mahasiswa.
14. Sebagai cawangan terbesar dengan lima kampus yang menempatkan puluhan ribu pelajar, UiTM Cawangan Selangor menyediakan kemudahan kolej kediaman menerusi Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar yang berupaya menampung sehingga 23,019 orang mahasiswa.

15. Selain itu, setiap kampus UiTM Cawangan Selangor turut dilengkapi dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) yang boleh dimanfaatkan oleh para pelajar sebagai sumber bahan bacaan akademik dan ruang pembelajaran yang kondusif, lengkap dengan pendingin hawa serta kemudahan meja dan kerusi yang selesa.

Mahasiswa sekalian,

16. Di sini juga terdapat Pusat Islam yang bukan sahaja menyediakan ruang ibadah dan solat Jumaat, tetapi turut menjadi pusat penganjuran pelbagai aktiviti kerohanian dan keagamaan.

17. Umum sedia maklum bahawa geografi bentuk muka bumi di UiTM Cawangan Selangor terutamanya di kampus Puncak Alam sangat luas dan berbukit, akan tetapi pihak pengurusan UCS telah mengambil inisiatif dengan menyediakan

perkhidmatan pengangkutan seperti bas UiTM dan bas RapidKL.

18. Sukacita untuk saya mengingatkan semua pelajar baharu bahawa penyediaan perkhidmatan bas adalah terhad dengan mengambilkira kos yang perlu ditanggung oleh pihak pengurusan.

19. Jadi, anda perlulah peka dengan jadual perjalanan yang telah disediakan dan belajar untuk menguruskan masa sesuai dengan waktu kuliah bagi memastikan tidak berlaku kesesakan di tempat-tempat menunggu bas.

20. Kepada mahasiswa yang aktif bersukan, jangan bimbang kerana di sini tersedia pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi, termasuk gelanggang bola keranjang, padang bola sepak dan gimnasium

21. Kemudahan ini boleh dimanfaatkan oleh semua mahasiswa bagi menjamin gaya hidup yang sihat di samping mencerdaskan minda anda sepanjang menuntut ilmu di universiti ini.

22. Soal makanan juga tidak menjadi masalah, kerana setiap kampus mempunyai kafeteria dan kiosk makanan yang sentiasa menawarkan pelbagai hidangan lazat pada harga yang berpatutan untuk mahasiswa.

23. Selain itu, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan turut mengendalikan beberapa restoran yang menawarkan pilihan makanan berkualiti dalam suasana yang lebih eksklusif, sekali gus memberikan nilai tambah kepada pengalaman mahasiswa.

Mahasiswa yang dikasihi sekalian,

24. Sebelum mengakhiri kata, sekali lagi saya mengucapkan selamat datang ke UiTM Cawangan Selangor dan selamat maju jaya kepada setiap satu daripada anda yang bakal menjalani kehidupan sebagai mahasiswa.

25. Saya berharap anda akan merasakan kehangatan dan sokongan dari seluruh warga UiTM sepanjang perjalanan anda di sini.

26. Saya juga ingin berpesan, sekiranya terdapat sebarang masalah yang dihadapi, atau aduan yang ingin dibuat, majukanlah kepada saluran yang telah disediakan.

27. Sila bertanya dan merujuk kepada pihak-pihak yang sepatutnya agar dapat menghindarkan sebarang polemik atau kesalahfahaman yang mungkin berlaku.

28. Sebagai pihak yang sentiasa menitik beratkan aspek kebajikan dan keselesaan para pelajar, pengurusan UCS sentiasa berusaha untuk mengekalkan dasar ini bersesuaian dengan kemampuan yang ada.

29. Sebagai pelajar yang bergelar ‘mahasiswa’ yang matang dari segi fikiran, tindakan, dan membuat keputusan; anda semua haruslah bertindak dengan penuh tanggungjawab agar imej dan reputasi nama baik UiTM terjaga.

30. Saya juga yakin anda semua mampu untuk mengatasi cabaran dan mencapai kejayaan yang gemilang – InsyaAllah.

31. Jadilah mahasiswa yang bermakna, pejuang yang gigih, dan pemimpin masa depan yang cemerlang bagi seluruh warga UiTM.

Gunung tinggi sama didaki,
Lembah terbentang sama direntasi;
Selamat datang siswa dan siswi,
Bersama UiTM gapai aspirasi.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**